



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**11 November 2020**  
**25 Rabiulawal 1442H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	• TLDM usir tiga bot nelayan Indonesia
Kosmo !	• Tiga bot nelayan Indonesia diusir
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysia Dateline	•
Bernama	•
See Hua Daily News (Kuching)	•
Guan Ming Daily	•
Sin Chew Daily	•

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH	
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I		THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	✓	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		5	
							11. 11. 2020	

## TLDM usir tiga bot nelayan Indonesia

HM M15 5

11-11-2020



ANTARA bot nelayan Indonesia memasuki perairan negara yang diusir keluar oleh TLDM.

**Kuala Lumpur:** Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) mengusir tiga bot nelayan Indonesia yang memasuki perairan negara di kedudukan 26 batu nautika, selatan Pulau Perak, kelmarin.

Bahagian Komunikasi Strategik, Markas Pemerintahan Armada Barat pada kenyataan berkata, Kapal

Diraja (KD) Laksamana Tan Pasmah yang sedang melaksanakan Op Benteng Laut dan Op Pejarak mengesan tiga bot nelayan berkenaan.

"KD Laksamana Tan Pasmah menerima maklumat daripada *Maritime Component Commander* (MCC) jam 12.45 tengah hari semalam (kelmarin), yang memaklumkan beberapa bot nela-

yan asing dikesan di posisi 26 batu nautika, selatan Pulau Perak.

"KD Laksamana Tan Pasmah melakukan pemeriksaan dan mendapati tiga bot nelayan Indonesia sedang bertambat di boya berdekatan dalam perairan negara Malaysia," katanya semalam.

Menurutnya, KD Laksa-

mana Tan Pasmah melakukan pengusiran dengan mengiringi bot nelayan terabit sehingga keluar dari perairan negara, jam 4 petang hari yang sama.

"TLDM sentiasa memperkasakan Op Benteng dan sentiasa komited dalam menjalankan tugas mengawal perairan negara," katanya.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH	
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	✓	THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		14	
							11/11/2020	

TLDM kesan kehadiran bot asing untuk menangkap ikan di perairan negara kosmo m/s 14  
11/11/2020

## Tiga bot nelayan Indonesia diusir

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

**PETALING JAYA** - Tindakan pantas Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) berjaya menghalang cubaan tiga buah bot nelayan Indonesia yang dikesan memasuki perairan negara dipercayai bagi tujuan menangkap ikan bernam-piran Pulau Perak, Kedah petang kelmarin.

Bahagian Komunikasi Strategik, Markas Pemerintahan Armada Barat dalam satu kenyataan berkata, Maritime Component Commande (MCC) telah mengesan kehadiran bot nelayan asing itu kira-kira pukul 12.45 tengah hari.

Katanya, ketiga-tiga bot nelayan berkenaan dikesan berada pada kedudukan 26 batu nautika selatan Pulau Perak.

"Susulan maklumat itu, kapal



SALAH sebuah bot nelayan Indonesia yang diusir keluar dari perairan negara oleh KD Laksamana Tan Pasmah milik TLDM di perairan Pulau Perak, Kedah kelmarin.

milik TLDM iaitu Kapal Diraja (KD) Laksamana Tan Pasmah yang sedang melaksanakan Ops

Benteng Laut dan Ops Pejarak sekitar perairan terbabit telah bergegas ke lokasi kejadian.

"Seibanya dilokasi tersebut, KD Laksamana Tan Pasmah mendapati terdapat tiga bot ne-

layan Indonesia sedang bertambat di boya berdekatan perairan negara Malaysia," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Tambah kenyataan itu, KD Laksamana Tan Pasmah telah melakukan pengusiran dengan mengiringi bot-bot nelayan tersebut sehingga keluar dari perairan negara kira-kira pukul 4 petang semalam.

Jelas mereka, TLDM sentiasa memperkasakan Ops Benteng dan sentiasa komited dalam menjalankan tugas mengawal perairan negara dan mempertahankan kedaulatan negara dari dicerobohi oleh pendarang asing tanpa izin (PATI).

Pada masa sama, TLDM turut melakukan pemantauan dan kawalan terhadap bot nelayan asing yang menjalankan aktiviti perikanan secara haram di perairan negara.